



Pemikiran Kritis Remaja Muslim : Analisis Literatur

Rizaman Yahya¹, Rabiatal Adawiah Ahmad Rashid² & Muhammad Zuhair Zainal³
^{1,2,3}Universiti Sains Malaysia

Article Info

Received:
19 August 2019

Accepted:
10 Sept 2019

Publish
16 Sept 2019

E-mail adress:

*corresponding Author :
*man72ipgktb@gmail.com
r_adawiah@usm.my
zuhair@usm.my

e-ISSN 2682-759X

Abstract

Perkembangan semasa memerlukan remaja Muslim masa kini memiliki kemahiran berfikir secara kritis supaya mereka mampu berinteraksi dan bertindak secara matang sama ada dalam konteks sosial mahupun individu. Keperluan terhadap pemikiran kritis dalam kalangan remaja adalah begitu kritikal memandangkan kemahiran tersebut adalah kemahiran yang termaktub secara konsisten dalam Al-Quran dan hadith dengan pelbagai istilah yang membawa maksud yang sinonim. Pemikiran kritis merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk membuat, mentafsir dan melakukan penilaian idea terhadap sesuatu maklumat untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Proses ini melibatkan pemikiran yang logik, waras dan memberi fokus terhadap satu tindakan yang perlu diambil sama ada menerima sesuatu maklumat atau sebaliknya. Kajian terhadap pemikiran kritis telah dilaksanakan dengan meluas dalam pelbagai mata pelajaran, bagaimanapun terdapat ruang penerokaan untuk kajian mendalam dalam konteks Pendidikan Islam sebagai satu bidang ilmu. Kertas konsep ini memerlukan sorotan terhadap konsep pemikiran kritis dari sudut pandangan sarjana Islam dan barat. Selain itu, kajian yang menggunakan kaedah dokumentasi ini akan cuba mengupas penerapan pemikiran kritis dalam konteks kurikulum Pendidikan Islam masa kini. Pada bahagian akhir, justifikasi terhadap pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam akan dikemukakan.

Keyword: Pemikiran kritis, remaja Muslim, Pendidikan Islam, Model

Pendahuluan

Kemahiran pemikiran kritis merupakan isu yang sedang hangat diperkatakan di pentas global dunia pendidikan masa kini (Kiruba, Sreelekha, Jaideep, Aruna, & Roy., 2018). Kemahiran

ini merupakan salah satu daripada standard asas yang terkandung dalam kemahiran abad ke-21 yang merangkumi 4 asas iaitu 1) pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, 2) komunikasi, 3) kolaboratif dan 4) kreativiti dan inovasi (AACTE, 2010). Individu yang menguasai kemahiran ini akan menjadi lebih konsisten serta mempunyai landasan yang terpinpin dalam membuat sebarang keputusan di samping dapat memantapkan diri dalam setiap tindakan yang dilakukan (Caraka Putra, Muhammad, & Swieji Maghfira, 2018). Penguasaan terhadap kemahiran ini akan membantu seseorang individu ke arah menentukan pembentukan masyarakat Malaysia yang lebih matang dalam mencerna idea-idea yang bernas bagi menghadapi sebarang situasi pada masa hadapan. Selain itu, dapat membantu ke arah mengenal pasti hala tuju dalam proses berfikir.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dirangka bertepatan dengan perkembangan dunia pendidikan dalam menghadapi suasana Pendidikan Abad Ke-21. Bagi merealisasikan hasrat tersebut pemikiran kritis telah didedahkan dengan memberi panduan kepada pelajar bagi mendepani kehidupan seharian dengan lebih berkesan. Strategi ini merupakan agenda penting dalam orientasi melahirkan pelajar yang matang dalam pelbagai situasi. Proses ini dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan supaya dapat memenuhi keperluan semasa berdasarkan idea-idea yang bernas serta berbekalkan maklumat yang telah dikuasai. Usaha ini merupakan salah satu agenda yang menjadi penentu kepada pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara (Malaysia Education Blueprint, 2013).

Pemikiran kritis memfokuskan terhadap kaedah-kaedah yang seharusnya digunakan oleh setiap individu untuk berfikir dengan berkesan. Proses ini merupakan satu aktiviti yang dijalankan oleh akal yang memerlukan hubungan yang erat antara keupayaan kognitif, kemahiran dan sikap bagi membolehkan individu memahami dan seterusnya mencorakkan alam sekelilingnya (Hills, 2011). Gabungan secara kolektif antara elemen-elemen tersebut dalam menjana proses pemikiran akan menjadikan proses tersebut dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan yang membatasi nya.

Definisi Pemikiran Kritis

Pemikiran kritis merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu pemikiran dan kritis. Pemikiran bermaksud apa sahaja yang berlaku dalam minda seseorang (Mohd Azhar, 2001). John Dewey (1910) mendefinisikan pemikiran sebagai satu usaha untuk memeriksa serta menimbang sesuatu maklumat dengan teliti berdasarkan kriteria tertentu. Oleh yang demikian, pemikiran merujuk kepada proses penyusunan maklumat dengan penuh pengamatan dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Perkataan kritis pula berasal daripada perkataan Greek '*kriths*' (*kritikos*) yang bermaksud menimbang (*judge*), manakala istilah menimbang diterjemahkan sebagai sesuatu perkara yang terperinci, sangat mendalam dan mengamati (Mohd Azhar, 2001). Menurut Bassham, Irwin, Nardone, & Wallace (2010) kritis merujuk kepada kemahiran membuat penilaian dan pemerhatian.

Pelbagai definisi telah dibawakan oleh para sarjana dalam menterjemahkan istilah pemikiran kritis. Pandangan yang diberikan adalah berdasarkan perspektif dalam bidang-bidang tertentu yang merangkumi bidang falsafah, psikologi, sains, perubatan, pendidikan dan lain-lain. Swartz dan Parks (1994) mengistilahkan pemikiran kritis sebagai penilaian terhadap sesuatu maklumat, mencari bukti, membuat analisis idea, membanding beza, pengelasan, menyusun atur, mencari hubungan keseluruhan, mencari sebab, membuat kesimpulan dan memeriksa andaian. Facione (2011) mentakrifkan pemikiran kritis sebagai kebolehan menginterpretasikan, menilai, membuat analisis, membuat inferens, metodologi, kriteriologikal, menghurai konseptual dan kawalan sendiri. Ennis (1985) mendefinisikan sebagai pemikiran reflektif yang dapat memperlihatkan akan kemunasabahannya.

Sarjana-sarjana Muslim turut mendefinisikan pemikiran kritis berdasarkan disiplin ilmu masing-masing. Menurut Iwad Ibn Muhammad Al-Qarni (2004) pemikiran kritis diistilahkan sebagai satu proses pemikiran yang mampu untuk mengetahui akan segala kecacatan yang tersembunyi dalam setiap permasalahan. Siti Rahayah et al., (1989) menyatakan pemikiran yang mengaitkan dengan proses yang melibatkan minda ketika membuat keputusan. Menurut Som dan Mohd Dahalan (1998) pemikiran kritis merupakan keupayaan dengan menggunakan minda untuk menilai kewajaran terhadap sesuatu idea, meneliti kebernasan, kebaikan dan kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang sah.

Secara umumnya, tinjauan mendapati istilah pemikiran kritis menurut konteks perspektif Islam telah lama diguna pakai secara meluas dalam pelbagai bidang disiplin ilmu. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah ini tidak disebut secara mutlak atau secara jelas dalam mana-mana bidang namun, istilah sedemikian didapati sering diguna pakai dalam menjelaskan maksud pemikiran kritis. Menurut Zainoriah (2015) perkataan ini tidak ditemui secara mutlak sebaliknya istilah Arab yang merujuk kepada pemikiran kritis disebut sebagai *tafkir al-naqdi*. Hasil tinjauan mendapati dalam Al-Quran terdapat berbagai istilah-istilah lain telah digunakan yang merujuk kepada proses berfikir antaranya ialah *tafakkur, faqiha, nadhar, tadhakkur, tabassur, tadabbur, iktibar, tafaqquh, ta'ammul* dan *tawassun* (Nursafra, Mohd Isa, & Khadijah, 2016; Rosnani, 2003; Wan Haslan, 2014). Hasil kajian juga mendapati perkataan yang merujuk kepada proses berfikir telah disebut dalam Al-Quran sebanyak 18 kali sama ada dalam bentuk perkataan mahupun perbuatan dalam menerangkan kepada manusia akan maksud tersembunyi dan yang nyata (Mohd Faez & Kamarul Azmi, 2011).

Selain itu, terdapat pelbagai ayat-ayat lain yang merujuk kepada unsur-unsur pemikiran kritis yang telah diketengahkan dalam Al-Quran. Contoh-contoh penggunaan istilah tersebut antaranya ialah elemen membanding dan membezakan seperti mana yang terdapat dalam surah Al-An'am : 50 manakala elemen membezakan dalam surah Hud : 24, elemen membuat kategori dalam surah Al-Baqarah : 1 hingga 5, elemen menerangkan sebab dalam surah Al-Baqarah : 219, elemen menentukan sumber yang boleh dipercayai dalam surah Al-Hujurat : 6, elemen mencipta analogi dan metafora dalam surah Al-Baqarah : 217, elemen membuat keputusan dalam surah Ali 'Imran : 159 dan lain-lain lagi. Semua ayat-ayat tersebut jelas membawa maksud kepada penggunaan elemen pemikiran kritis (Al-Quran, 2012).

Firman Allah :

Maksud : Wahai orang-orang yang beriman. Apabila datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidik lah bagi menentukan kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan. (Surah Al-Hujurat 49:6)

Berdasarkan ayat tersebut, Sayyid Qutb (2000) telah membicarakan konsep pemikiran kritis secara meluas dengan merujuk surah al-Hujurat 49:6 yang menegaskan tentang keutamaan untuk membuat penyelidikan asas dan tinjauan awal terlebih dahulu terhadap sesuatu berita yang diterima sebelum melakukan sebarang tindakan. Allah s.w.t telah menggariskan panduan yang jelas berkenaan sesuatu perkhawaran yang meragukan akan kesahihan sumbernya dengan membuat pertimbangan terlebih dahulu. Hal yang sedemikian perlu diberi perhatian supaya dapat menghindarkan daripada berlaku perkara yang bertentangan dengan dasar kepercayaan yang seharusnya wujud dalam diri individu mahu pun kelompok orang yang beriman. Jaminan dan kawalan-kawalan tertentu diwujudkan bertujuan untuk memelihara perjalanan kehidupan manusia dan bukan untuk merosakkan keharmonian yang sedia ada. Penegasan ini menunjukkan akan peri pentingnya proses berfikir dalam menentukan arah tuju kehidupan manusia.

Merujuk konteks hadith yang mengaitkan dengan kemahiran pemikiran kritis pula, terdapat banyak hadith yang telah membicarakan akan proses berfikir ini. Pelbagai panduan dan

saranan yang bermanfaat telah disajikan kepada umat manusia untuk diimplementasikan dalam kehidupan seharian. Namun, hanya golongan yang merenung, memikirkan dan mengkajinya akan ayat tersebut sahaja yang akan mendapat manfaatnya. Sekali gus akan dapat memahami apa yang hendak disampaikan melalui penjelasan yang dibawakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ini kerana ayat yang dibawakan adalah berbeza di antara satu sama lain, tambahan pula ada ayat yang telah dinyatakan secara jelas dan ada ayat yang diterangkan dengan cara yang tersirat. Pelaksanaan proses berfikir yang dipimpin akan dapat menentukan kefahaman maksud yang ingin disampaikan. Di samping itu, penentuan corak pemikiran juga akan mempengaruhi emosi dan tindakan yang dilakukan. Oleh itu, kesepaduan dalam menjalankan proses berfikir akan menatijahkan keputusan yang lebih sempurna.

Dari Abu Musa r.a., katanya Nabi s.a.w. bersabda: "perumpamaan petunjuk dan ilmu pengetahuan yang Allah utuskan aku untuk menyampaikannya seperti hujan lebat yang mencurah ke bumi. Bumi itu ada yang subur dapat menyerap air lalu menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan rumput-rumput yang banyak. Ada pula bumi yang keras, tidak menyerap air sehingga bergenangan airnya. Oleh yang demikian, Allah memberi manfaat dengan kepada manusia dengan dapat minum dan memberi minum (binatang ternak dan sebagainya) serta digunakan untuk bercucuk tanam. Dan ada pula hujan yang jatuh ke kawasan yang lain, iaitu di atas tanah yang tidak menggenangkan air dan tidak pula menumbuhkan rumput. Begitulah perumpamaan orang yang belajar agama. Mereka yang mahu memanfaatkan apa yang aku disuruh Allah menyampaikannya, dipelajarinya dan diajarkannya. Dan begitu pula perumpamaan orang yang tidak mahu memikirkan dan mengambil peduli dengan petunjuk Allah, yang aku diutus untuk menyampaikannya."

(Sahih Al-Bukhari 0079)

Merujuk hadith tersebut, Ibnu Hajar Al-Asqalani menjelaskan tentang gambaran bagi orang yang menuntut ilmu dan orang-orang yang berilmu. Orang yang menuntut ilmu dibahagikan kepada beberapa golongan iaitu golongan yang menuntut ilmu dan mengamalkannya serta menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain bagi mendapat manfaatnya. Mereka diumpamakan sebagai hujan yang dapat menghidupkan tanah yang tandus dengan menyerap air sehingga dapat menyuburkan tumbuh-tumbuhan yang berada di sekitarnya. Namun demikian, terdapat juga golongan yang memperoleh ilmu dengan sempurna namun tidak menjaga serta mengamalkannya malahan tidak juga mengajarkan kepada orang lain. Golongan ini digambarkan dengan keadaan tanah yang tidak dapat menyerap air sehingga merosakkan tanah yang berada di sekelilingnya (Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail Al-Bukhari, 1998; Ibnu Hajar Al-Asqalani, 2002).

Walau bagaimanapun, apa yang cuba diutarakan adalah penggunaan bahasa yang terdapat dalam hadith tersebut yang tidak memfokuskan kepada golongan tersebut secara langsung sebaliknya menggunakan unsur-unsur analogi dan juga metafora yang telah membawa maksud yang sama. Oleh yang demikian, hadith ini jelas menunjukkan tentang penggunaan istilah-istilah yang merujuk kepada elemen-elemen pemikiran kritis dalam menyampaikan sesuatu mesej serta pengajarannya. Hal ini jelas menggambarkan pemikiran kritis memerlukan ketajaman dan keaktifan dalam berfikir tanpa dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh yang negatif. Penggunaan istilah-istilah yang sedemikian akan dapat membantu untuk berhujah dengan lebih berkesan.

Kesimpulannya, pemikiran kritis dapat dirumuskan sebagai keupayaan seseorang individu untuk membuat, mentafsir dan melakukan penilaian idea terhadap sesuatu maklumat untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Proses ini melibatkan pemikiran yang logik, waras dan memberi fokus terhadap satu tindakan yang perlu diambil sama ada menerima sesuatu maklumat atau sebaliknya. Selain itu, proses ini juga merangkumi kecekapan menggunakan keupayaan kognitif untuk membuat penilaian terhadap kemunasabahan sesuatu maklumat atau idea, membuat penelitian terhadap kebernasan dan ketepatan maklumat yang

diberikan, membuat andaian tentang kebaikan dan keburukan sesuatu hujah, membuat pertimbangan yang adil berdasarkan alasan dan bukti yang munasabah.

Pemikiran Kritis Dalam Pendidikan Islam

Pendidikan merupakan satu proses yang berterusan dalam membentuk manusia ke arah kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Fungsinya adalah untuk menyampaikan ilmu secara menyeluruh kepada manusia bagi menentukan nilai dan keyakinan yang akan dianuti oleh seseorang sehingga terbinanya keazaman. Keazaman yang dibina berasaskan nilai pendidikan akan menggerakkan seseorang untuk bertindak melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaku khalifah di atas muka bumi (Ahmad, 2011). Wadah pendidikan ini merupakan medium yang begitu signifikan dan bersesuaian dengan apa juga bidang. Begitu juga dengan bidang yang melibatkan pembangunan kemanusiaan. Bidang ini berupaya memberi kesan terhadap pembangunan diri individu di samping dapat menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan masa depan. Proses ini natijahnya akan menghasilkan modal insan yang memenuhi ciri-ciri sebagai seorang Muslim (Abdul Hafiz, Zakaria, & Munawar, 2012; Zurina & Hukil, 2008). Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran yang berupaya menterjemahkannya, tambahan pula ia merupakan salah satu mata pelajaran teras yang terdapat dalam sistem pendidikan negara (Asmawati, Abd. Muhsin, Syaza, & Azreen Effendy, 2015). Menurut Aishah P & Latifah (2013) Pendidikan Islam merupakan mekanisme utama yang paling berkesan dalam membentuk kewibawaan modal insan yang berkualiti. Mohd Faez & Kamarul Azmi (2011) menjelaskan Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran yang mempunyai keistimewaan dan kepentingannya tersendiri yang bersesuaian dengan desakan globalisasi dan cabaran keruntuhan moral. Menurut Mohd Zaidi (2014) peranan mata pelajaran Pendidikan Islam perlu diutamakan dengan menjadikannya sebagai peneraju dalam memimpin dan menyelaras kesepaduan ilmu berbanding mata pelajaran lain. Keupayaan kognitif perlu digabungkan antara kandungan pelajaran dengan disiplin ilmu ini dalam menjalani kehidupan seharian. Gabungan yang mantap ini akan menghasilkan produk yang lebih berkualiti.

Matlamat utama mata pelajaran Pendidikan Islam adalah untuk membentuk generasi Muslim yang beriman, bertakwa, berketerampilan dan berakhlak mulia pada masa hadapan. Kepatuhan terhadap prinsip ini akan menjadikan seseorang individu tersebut beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Mohd Roslan & Wan Mohd. Tarmidzi, 2011). Usaha ini amat bermakna bagi seseorang individu Muslim dalam proses mengukuhkan pengisian jiwa atau kerohanian. Hakikatnya, mata pelajaran yang diperkenalkan ini mempunyai kaitan yang kukuh dengan nilai keislaman. Tanpa hubungan ini, insan yang bakal dilahirkan tidak mempunyai kekuatan rohani dan mudah dihanyutkan oleh arus pemodenan yang bercanggah dengan prinsip Islam. Justeru, kepelbagaian strategi yang sistematik perlu dilaksanakan dalam menerapkan elemen pengumpulan maklumat kepada pelajar. Setiap pengisian perlu dipenuhi dengan melibatkan aktiviti yang berkesan serta penerapan maklumat yang tepat dan sahih bagi mendepani kehidupan seharian (Nursafra et al., 2016). Proses ini perlu dilaksanakan pada peringkat awal bagi memantapkan lagi pegangan mereka di samping dapat dijadikan benteng supaya tidak mudah terpengaruh dengan sifat-sifat negatif yang menandatangani kesan daripada peredaran zaman yang semakin rencam.

Oleh yang demikian, Pendidikan Islam perlu diteroka dengan lebih mendalam berdasarkan situasi semasa masa kini mengikut kehendak mata pelajaran tersebut dengan sebenarnya. Sekiranya remaja memperoleh intipati pendidikan yang mantap sudah tentu gejala negatif akan dapat dihindari. Menurut Azizah, Nor Adha, & Norul Huda (2015) Pendidikan Islam yang dilaksanakan perlu dikaitkan dengan nilai keislaman sepenuhnya. Tanpa ikatan ini, insan yang bakal dilahirkan tidak mempunyai kekuatan rohani dan mudah dihanyutkan oleh arus pemodenan yang bercanggah dengan prinsip Islam. Oleh itu, guru yang menyampaikan ilmu melalui pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan perlu mempelbagaikan strategi yang

sistematik dalam menerapkan elemen pengumpulan maklumat kepada pelajar-pelajar dengan melibatkan aktiviti dalam bilik darjah, di luar bilik darjah serta penerapan kriteria kesahihan dan kecukupan maklumat bagi mendepani kehidupan seharian (Nursafra et al., 2016).

Bertepatan dengan kehendak dunia pendidikan kini yang lebih memfokuskan terhadap kemahiran pemikiran kritis. Peranan ini didapati bersesuaian dan menepati dengan kehendak Pendidikan Islam yang mengutamakan disiplin mata pelajaran ini yang lebih menyasarkan terhadap kefahaman dan juga pengetahuan merujuk kepada sesuatu peristiwa dan kejadian yang berlaku. Pelajar dikehendaki menganalisis terlebih dahulu serta melakukan proses imaginasi bagi membolehkan mereka mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Standard kandungan yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam turut membantu dalam memberi pendedahan untuk memahami fakta yang terdapat dalam kurikulum (Kamarul Azmi & Mohd Izzuddin, 2015). Menurut Nursafra (2017) terdapat beberapa pola pemikiran kritis yang telah dikenal pasti melalui standard kandungan Pendidikan Islam yang merangkumi beberapa istilah yang diguna pakai antaranya ialah istilah membanding, mengemukakan bukti, mengambil iktibar, membuat perkaitan, membuat generalisasi dan lain-lain. Oleh itu, dengan menguasai kemahiran ini akan menjadikan proses penyelesaian masalah akan dapat diaplikasikan dengan berkesan (Verawati, Siti Rahayah, Rodiah, & Nor Azaheen, 2010).

Kandungan ajaran Islam adalah bersifat dinamik dan bersesuaian pada setiap masa dan tempat (Abdul Hafiz et al., 2012). Namun begitu, adakah Pendidikan Islam dapat dijelmakan melalui kurikulumnya atau pelajar hanya memahami sahaja apa yang telah dipelajari tanpa mempraktikkan dalam kehidupan seharian. Apa yang dihasratkan oleh KPM adalah jelas iaitu dengan menguasai kemahiran-kemahiran yang termaktub dalam mata pelajaran Pendidikan Islam maka akan lahir seorang Muslim yang sempurna. Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan terdapat jumlah kes salah laku remaja yang amat membimbangkan sehingga kini (Aizan & Murni, 2017).

Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon, melaporkan sebanyak 311 buah sekolah kini berdepan dengan pelbagai masalah disiplin. Berdasarkan statistik tahun 2016 terdapat seramai 111,895 murid terlibat dengan gejala salah laku disiplin merangkumi 16,849 murid sekolah rendah dan 95,046 murid sekolah menengah. Kes ponteng sekolah merupakan isu utama dalam kes salah laku disiplin. Merujuk data tersebut bagi kes buli sahaja, terdapat sebanyak 3,448 kes telah direkodkan pada tahun 2016 manakala sehingga Jun 2017 terdapat 872 kes. Pihak kementerian mendapati jumlah yang terlibat dengan masalah disiplin berada pada kadar 2.03 peratus setahun sejak 2012 sehingga 2016 (Noor Mohamad, 2017). Kenyataan ini turut disokong oleh Ahmad Firdaus, Kamarul Azmi, & Khairunnisa (2016) menyatakan masalah sosial pelajar terus merunsingkan berikutan statistik yang semakin meningkat seperti mana yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Ahmad Firdaus et al., 2016; Nur Shahidah, 2017).

Berdasarkan data tersebut, jelas menunjukkan pelajar Muslim juga turut terlibat dalam mengisi ruang kekusutan sehingga kini sedangkan mereka telah didedahkan dan mempelajari pengetahuan Islam melalui mata pelajaran Pendidikan Islam seperti mana yang telah distrukturkan melalui kurikulum Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof melaporkan, berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016, mata pelajaran Pendidikan Islam telah dinobatkan sebagai mata pelajaran yang memperoleh peningkatan tertinggi berbanding mata pelajaran lain dengan peningkatan sebanyak 0.32 merujuk kepada Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) (Berita Harian, 2017). Walau bagaimanapun, jika dilihat dari sudut penghayatan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan merujuk laporan yang dikeluarkan ternyata terdapat kontradiksi yang agak ketara berbanding apa yang sedang berlaku sehingga kini.

Isu keupayaan pelajar terutamanya remaja semasa membuat keputusan dalam menjalani kehidupan seharian juga turut menjadi persoalan. Ini kerana pengetahuan yang telah dipelajari seharusnya dijadikan panduan dan pedoman dalam melakukan sebarang tindakan namun apa

yang berlaku di luar kelas tidak berupaya diaplikasikan dengan berkesan (Nornajwa, 2016; Nurzarina & Roslinda, 2015). Menurut Rosnani, Suhailah dan Adesile (2014) kemahiran berfikir secara kritis merupakan satu elemen penting dalam mentafsir prinsip dan ajaran Islam yang dipelajari ke dalam konteks kehidupan seharian. Seseorang Muslim harus meneliti dan membuat pertimbangan yang sesuai sewaktu menghadapi babak-babak kritikal dalam kehidupan dan dapat mengukuhkan pegangan mereka berdasarkan apa yang dipelajari. Abdul Hafiz et al. (2012) turut menyuarakan pandangan tentang peranan kurikulum Pendidikan Islam dalam membentuk remaja yang berkualiti bagi menepati ciri-ciri yang dikehendaki dalam Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara (Abdul Hafiz et al., 2012).

Sehubungan itu, satu inisiatif perlu dijalankan dengan mewujudkan satu mekanisme baharu yang bertujuan untuk membantu golongan ini daripada terus terjebak dengan arus globalisasi yang semakin rencam. Kancah sosial kini menyaksikan pelbagai ledakan maklumat telah terhasil tambahan pula dunia kini menghadapi era maklumat tanpa sepadan. Pelbagai maklumat boleh dijangkau tanpa memerlukan usaha yang setimpal bagi mendapatkannya. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab sebagai seorang Muslim untuk membantu sesama sendiri bagi memperkukuh dan memperkasakan akhlak setiap individu Muslim. Ini kerana akhlak merupakan antara elemen yang telah diberi perhatian yang amat mendalam dalam agama Islam dan telah mengisi hampir satu pertiga ruangan isi kandungan Al-Quran (Husna, Hamimah, Abdullah, Adabi, 2017).

Keperluan Terhadap Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim

Don Tapscott (2009) mengkategorikan remaja masa kini sebagai generasi Z iaitu mereka yang lahir selepas tahun 1998. Jika dilihat dari sudut perkiraan umur, anggarannya bermula sekitar 10-12 tahun dan berakhir sekitar 18-21 tahun (Tajul Ariffin, 1993). Menurut pandangan Islam, remaja diklasifikasikan sebagai mereka yang telah mencapai usia akil baligh sehingga mencecah usia 30-an (Jamal al-Din Muhammad, 1996). Menurut Nurzatil Ismah, Mohd Yakub@Zulkifli dan Nazneen (2018) remaja merupakan salah satu peringkat perkembangan bagi seseorang individu yang perlu dilalui selepas fasa kanak-kanak dan sebelum fasa dewasa. Peringkat remaja bermula dengan berlakunya proses akil baligh yang menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara dari segi fizikal dan juga perasaan. Ternyata perubahan ini memerlukan perhatian dan bantuan daripada semua pihak secara menyeluruh supaya remaja dapat melaluinya sebagai seorang individu yang mempunyai pedoman yang terpinpin ketika menempuhnya. Ini kerana golongan remaja merupakan aset yang amat berharga bagi sesebuah negara pada masa hadapan. Oleh yang demikian, penyelesaian terhadap isu remaja kini perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Peranan ibu bapa, ahli akademik dan masyarakat perlu digembleng dengan lebih berkesan lagi bagi mencapai matlamat ini.

Polemik berkaitan isu-isu yang berlaku dalam kalangan remaja masa kini jelas memberi isyarat kepada semua pihak untuk mengambil tindakan drastik bagi merawat satu tompokan besar terhadap golongan ini. Budaya saling salah menyalahkan antara satu sama lain harus segera dipadamkan kerana masalah ini merupakan isu yang saling berkait antara satu sama lain (Aizan & Murni, 2017). Tindakan yang perlu dilakukan adalah dengan merujuk kembali kepada Falsafah Pendidikan Negara yang jelas menuntut kepada semua pihak dengan matlamat untuk membina insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Usaha yang dijalankan terhadap golongan ini hendaklah berpaksikan kepada pembinaan semula modal insan dalam melahirkan golongan remaja yang memiliki kemahiran pemikiran kritis yang mantap dan berkesan.

Justeru, satu inisiatif dicadangkan supaya dapat dimantapkan lagi kemahiran pemikiran kritis terhadap remaja yang dipercayai menjadi salah satu punca utama berlakunya gejala sosial kini. Saranan yang dicadangkan ialah dengan mewujudkan model yang dikhususkan kepada remaja Muslim. Menurut Mohd Norulhisham, Firdaus, Mohd Nizam dan Mohamad Sattar (2016)

model dapat dijadikan panduan dan rujukan serta memberi gambaran yang jelas dalam menjalankan sesuatu perkara. Berdasarkan tinjauan, model-model sedia ada hanya menjurus kepada model pengajaran dan pembelajaran, model keislaman, model integriti dan juga model-model lain (Abdul Muqsih, 2018; Ramlan, 2017). Walau bagaimanapun, sehingga kini tinjauan masih belum menemui model pemikiran kritis yang menjurus kepada remaja Muslim tambahan pula cadangan ini seiring dengan cadangan Verawati et al. (2010) yang menyarankan supaya dapat dibangunkan satu model pemikiran kritis terhadap golongan remaja. Ini berikutan gaya kehidupan masa kini semakin berubah seiring peredaran zaman.

Tinjauan sehingga kini mendapati antara kajian yang mempunyai beberapa ciri-ciri persamaan kepada kajian yang dicadangkan adalah kajian yang dijalankan oleh Akbariah (2009) berkaitan penerokaan ciri-ciri psikometrik instrumen pentaksiran pemikiran kritis. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dari segi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berlandaskan definisi konseptual pemikiran kritis Malaysia. Tumpuan kajian lebih menjurus kepada pelajar institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian yang dicadangkan ini adalah untuk membangunkan model pemikiran bagi membantu seterusnya menangani masalah remaja Muslim daripada turut terjerumus dalam gejala sosial yang kian membimbangkan (Aizan & Murni, 2017). Fokus kajian juga menjurus kepada remaja yang berada di sekolah menengah iaitu mereka yang berumur antara umur 13 tahun sehingga 17 tahun. Selain itu, kajian yang dijalankan juga telah melalui satu tempoh jangka masa yang lama untuk dijadikan indikator malahan kaedah penyelidikan yang dijalankan juga berbeza.

Kajian-kajian terdahulu yang melibatkan skop pemikiran kritis telah banyak dijalankan (Ili Atiqah & Ruslin, 2016; Nursafra, Mohd Isa, & Khadijah, 2017). Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan adalah berbeza antara pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Kajian lalu banyak tertumpu kepada tahap pemikiran kritis sama ada di peringkat sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan juga di peringkat institusi pengajian tinggi. Tinjauan mendapati antara skop kajian yang banyak dijalankan lebih tertumpu di pusat-pusat pengajian tinggi dengan fokus kajian lebih menjurus kepada pelajar-pelajar universiti. Oleh yang demikian, kajian yang bakal dijalankan akan tertumpu kepada remaja Muslim yang berada di sekolah menengah dengan dibekalkan satu model pemikiran kritis bagi dijadikan landasan dan pedoman ketika membuat keputusan dalam kehidupan seharian.

Tambahan pula, tinjauan mendapati kebanyakan kajian yang melibatkan skop pemikiran kritis sehingga kini tidak menggabungkan unsur-unsur keagamaan secara langsung ke dalam model yang dibangunkan. Perkara sedemikian merupakan persoalan utama yang cuba diketengahkan. Kajian-kajian terdahulu hanya memuatkan nilai-nilai murni tanpa menyerapkan unsur-unsur keagamaan yang jelas dan nyata seperti unsur ketuhanan, unsur ibadah, unsur amalan keagamaan dan lain-lain unsur yang menjurus kepada skop keagamaan. Sedangkan unsur-unsur sedemikian seharusnya menjadi pegangan dalam setiap tindakan yang dilaksanakan malahan sebagai seorang Muslim yang sejati perkara tersebut perlu dijadikan sebagai *aulawiyyat* atau keutamaan. Menurut Mohd Azhar (2001) falsafah berfikir perlu dilaksanakan dengan menjadikan matlamat agama sebagai landasan utama supaya tidak tersasar dengan kehendak sebenar.

Kesimpulan

Gejala sosial dalam kalangan remaja kini boleh diumpamakan sebagai satu gelombang yang sentiasa berusaha menembusi objeknya pada setiap masa dan ketika tanpa diberi sebarang petanda akan kehadirannya. Suasana ini merupakan sesuatu yang lumrah berlaku sama ada bagi masyarakat di Malaysia mahupun dalam kalangan masyarakat dunia. Walau bagaimanapun, cara menyambut kehadiran gelombang ini merupakan salah satu cara yang perlu diterjemahkan dengan penuh kebijaksanaan oleh sesebuah masyarakat dalam usaha menghadapi kehadirannya. Merujuk kajian-kajian yang telah dijalankan dalam pelbagai skop perbincangan yang melibatkan

golongan ini mendapati terdapatnya peningkatan perangkaan statistik dari semasa ke semasa. Suasana ini memberi gambaran tentang satu usaha yang bersungguh-sungguh perlu dijalankan terhadap golongan ini dengan memperkenalkan kemahiran pemikiran kritis yang didapati bersesuaian dan menepati kehendak golongan remaja. Keupayaan remaja melalui kesediaan dari aspek kognitif, kemahiran dan sikap akan dapat mencorakkan gaya berfikir serta dapat mempengaruhi para remaja seterusnya dapat menjamin kesejahteraan dalam tempoh masa yang panjang. Oleh yang demikian, kemahiran pemikiran kritis merupakan salah satu mekanisme yang dapat memudahkan transisi pengetahuan dan kemahiran kepada tindakan dalam menentukan keperluan masyarakat masa hadapan.

Kesimpulannya, pemikiran kritis merupakan satu kemahiran yang perlu dimiliki oleh diri setiap individu apatah lagi untuk remaja. Peranannya mencakupi setiap aspek pembentukan remaja pada masa hadapan. Justeru, pembinaan model merupakan satu inisiatif yang diambil tepat pada masanya bagi melahirkan individu pelajar yang holistik dan seimbang sepertimana yang dihasratkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh yang demikian, satu inisiatif telah dicadangkan dengan mewujudkan satu model pemikiran kritis terhadap golongan ini dengan memfokuskan terhadap remaja Muslim.

Rujukan

- AACTE. (2010). 21st century knowledge and skill in educator preparation. *Education*, (September), 40. <https://doi.org/10.1787/9789264193864-en>
- Abdul Hafiz, M. T., Zakaria, S., & Munawar, A. (2012). Memperkasakan jati diri Melayu-Muslim menerusi Pendidikan Islam dalam pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 23–35.
- Abdul Muqith, A. (2018). *Pembangunan model ENi berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail Al-Bukhari. (1998). *Al-Jami' Al-Shahih - Shahih Bukhari*. Riyadh: International Ideas Home, Riyadh, Saudi Arabia.
- Ahmad Firdaus, M. N., Kamarul Azmi, J., & Khairunnisa, A. S. (2016). Masalah sosial dalam kalangan pelajar dan peranan pensyarah Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 50–61.
- Ahmad, M. S. (2011). *Kurikulum, metodologi dan pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & j-QAF* (Edisi Ke-2). Oxford Fajar, Sdn. Bhd.
- Aishah, P. O., & Latifah, A. M. (2013). Penglibatan remaja terhadap horoskop dan kesannya terhadap Akidah. *Islamiyyat*, 35(2), 77–82.
- Aizan, A. Z., & Murni, B. (2017). Isu dan cabaran pendidikan remaja Muslim di Malaysia. *Jurnal al-Tamaddun, Bil 12(2)(2)*, 41–49.
- Akbariah, M. M. (2009). *Penerokaan ciri-ciri psikometrik Instrumen Pentaksiran Pemikiran Kritis Malaysia (IPPKM) dan Model Pemikiran Kritis Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

- Al-Quran. (2012). *Al-Quran tajwid dan terjemahan. Resam Uthmani Bahasa Melayu*. Kajang Selangor: Humaira Bookstore Enterprise, Kajang Selangor.
- Asmawati, S., Abd. Muhsin, A., Syaza, M. S., & Azreen Effendy, M. (2015). Pendidikan untuk semua: Amalannya dalam sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training*, 1(12), 1–7. Diambil dari <http://www.injet.upm.edu.my>
- Azizah, M. R., Nor Adha, A. H., & Norul Huda, B. (2015). Krisis Akhlak: Penguatkuasaan undang-undang sebagai benteng menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 2(1), 1–18. <https://doi.org/10.1016/J.FERTNSTERT.2005.02.017>
- Bassham, G., Irwin, W., Nardone, H., & Wallace, J. (2010). *Critical thinking: A student's introduction*.
- Berita Harian. (2017). SPM 2016 : GPN lebih baik, 8,647 calon peroleh semua A. *MStar*, hal. 1–8.
- Caraka Putra, B., Muhammad, A. N. G., & Swiejti Maghfira, R. (2018). Strategy of core curriculum to improving student's critical thinking skill. *Jurnal Bimbingan Dan Kaunseling*, 1(3), 176–182.
- Don Tapscott. (2009). *Grown up digital: How the net generation is changing your world*. *Mc Graw Hill*, 28(1), 385. <https://doi.org/10.2501/S0265048709090490>
- Ennis, R. H. (1985). A logical basis for measuring critical thinking skills. *Educational Leadership*, 43(2), 44–48. <https://doi.org/10.3102/0034654310376953>
- Facione, P. A. (2011). *Critical thinking : What it is and why it counts. Insight assessment*. [https://doi.org/ISBN 13: 978-1-891557-07-1](https://doi.org/ISBN%2013%3A%20978-1-891557-07-1).
- Hills, D. (2011). *Critical thinking*. Richmond, United Kingdom: Crimson Publishing.
- Ibnu Hajar Al-Asqalani. (2002). *Fathul Baari Syarah Shahih Al-Bukhari (Pertama)*. Jakarta: Pustaka Azzam - Kampung Melayu Kecil, Jakarta.
- Ili Atiqah, M. D., & Ruslin, A. (2016). Sikap terhadap kemahiran pemikiran kritikal dan hubungannya dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar-pelajar UKM. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(1), 142–151.
- Iwad Ibn Muhammad Al-Qarni. (2004). *Kembangkan Potensi Diri Anda Sepenuhnya : Kiat Meraih Sukses Sesuai Tuntunan Islam*. Yogyakarta, Indonesia: Mitra Pustaka.
- Jamal al-Din Muhammad, M. I. M. (1996). *Lisan al-Arab, Juz 1*. Beirut : Dar Ihya' al-Arabi.
- John Dewey. (1910). *How we think*. Boston New York City Chicago: D. C. Heath & Co.
- Kamarul Azmi, J., & Mohd Izzuddin, M. P. (2015). *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam*

- cabaran zaman*. Universiti Teknologi Malaysia: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Kiruba, J. C., Sreelekha, B., Jaideep, M., Aruna, S., & Roy., K. G. (2018). Effectiveness of training program on thinking skills among adolescent girls. *International Journal Of Scientific Research*, 7(1), 197–198.
- Malaysia Education Blueprint, M. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Education*, 27(1), 1–268. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Mohd Azhar, A. H. (2001). *Pengenalan pemikiran kritis dan kreatif*. (Issham Ismail, Ed.) (Cetakan Pe). Skudai, Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Faez, I., & Kamarul Azmi, J. (2011). Peranan Pendidikan Islam dalam pembangunan Modal Insan kelas pertama. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial*, (i).
- Mohd Norulhisham, A. R., Firdaus, M. H., Mohd Nizam, A. R., & Mohamad Sattar, R. (2016). Model Authentic Learning bagi Program Kejuruteraan Politeknik Malaysia: Aplikasi Interpretive Structural Modelling. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13(2), 227–251.
- Mohd Roslan, M. N., & Wan Mohd. Tarmidzi, W. O. (2011). Sejarah dan perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Journal At-Ta'dib*, 6(1). <https://doi.org/10.21111/at-tadib.v6i1.547>
- Mohd Zaidi, I. (2014). *Islam & Higher - Order thinking - An overview*. Kuala Lumpur: Institute Of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).
- Noor Mohamad, S. H. (2017). Tangani masalah disiplin secara bersepadu. *Utusan Malaysia*, hal. 11.
- Nornajwa, G. (2016). Pendidikan Islam di Malaysia : Analisis kepentingan penghayatan Mazhab Syafie. *Malaysian Journal of Society and Space* 12, 4(4), 147–157.
- Nur Shahidah, P. (2017). *Pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri remaja menurut persepektif Islam: Kajian di Pusat Motivasi Aliran Pelajar, Kuala Lumpur*. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. <https://doi.org/10.2143/JA.295.1.2024689>
- Nursafra, M. Z. (2017). *Kefahaman dan amalan penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah menengah*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Nursafra, M. Z., Mohd Isa, H., & Khadijah, A. R. (2016). Matlamat Pengajaran Berfikir Kritis Menurut Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 6(December 2016), 1–19.
- Nursafra, M. Z., Mohd Isa, H., & Khadijah, A. R. (2017). Elemen pemikiran kritis dalam konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(September), 92–101.

- Nurul Husna, M., Khairul Hamimah, M. J., Raihanah, A., & Fakhru Adabi, A. K. (2017). Pemulihan akhlak di Pusat Perlindungan Wanita : Kajian di Baitul Ehsan dan Dar As-Saadah. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 261–274.
- Nurzarina, A., & Roslinda, R. (2015). Kefahaman guru tentang Kemahiran Abad ke-21, 21.
- Nurzatil Ismah, A., Mohd Yakub@Zulkifli, M. Y., & Nazneen, I. (2018). Pembentukan jati diri remaja dalam aspek kerohanian ruhiyah menurut perspektif l-Quran : Analisis terhadap ikon remaja dalam Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*, 11(1), 64–74.
- Ramlan, M. (2017). *Reka bentuk model integrasi akademik berasaskan penghayatan rohani*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. <https://doi.org/10.1111/j.1469-7610.2010.02280.x>
- Rosnani, H. (2003). Malaysian teachers' attitude, competency and practices in teaching of thinking. *Intellectual Discourse*, 11(1), 27–50.
- Rosnani, H., Suhailah, H., & Adesile, M. I. (2014). Hikmah (wisdom) pedagogy and students' thinking and reasoning abilities. *Intellectual Discourse*, 2, 119–138. <https://doi.org/2289-5639>
- Sayyid Qutb. (2000). Tafsir Fi Zilalil Quran di bawah bayangan Al-Quran (Vol. 9). Pustaka Aman Press, Sdn. Bhd.
- Siti Rahayah, A., Rosadah, A. M., Zolkepli, H., Rodiah, I., Anisa, A., Shahrir, S., ... Nor Azaheen, A. H. (1989). Kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah pelajar-pelajar Sains di Malaysia.
- Som, N., & Mohd Dahalan, M. R. (1998). *Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK)*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Swartz, R. J., & Parks, S. (1994). *Infusing the teaching of critical and creative thinking into content instruction. A lesson design handbook for the elementary grades*. (Critical Thinking Books & Software, 1994).
- Tajul Ariffin, N. (1993). *Perspektif falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Verawati, Siti Rahayah, A., Rodiah, I., & Nor Azaheen, A. (2010). Gender analysis of MyCT (Malaysian Critical Thinking) instrument. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7(2), 70–76. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.10.011>
- Wan Haslan, K. (2014). Gaya berfikir Qurani dalam pembentukan insan ta'dibi. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 1(2014), 1–12. Diambil dari <http://rmc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2014/10/GAYA-BERFIKIR-QURANI-DALAM-PEMBENTUKAN-INSAN-TADIBI.pdf>

Zainoriah, K. (2015). *Elemen pemikiran kritis menurut perspektif Al-Quran : Kajian surah Al-Rum*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zurina, M., & Hukil, S. (2008). Hubungan nilai masyarakat & pembangunan : Satu analisa. *Jurnal Pengajian Umum Bil*, (8), 77–94